

o u

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



Sinergi Bintang Utama

*'Andai Tiada
Dia'*

Ummi Nazeera, Hisyam Hamid & Zahiril Adzim

Drama 'Andai Tiada Dia' bukan sahaja berjaya memikat hati penonton, tetapi juga memberikan pengalaman berbeza buat barisan teraju utamanya; Ummi Nazeera, Hisyam Hamid dan Zahiril Adzim.

Bagi Ummi yang mendukung peranan sebagai Suri, melihat bahawa kebahagiaan bermula dengan menyayangi diri sendiri tanpa melupakan nilai menjadi orang baik.

Bagi Hisyam, naskhah ini tentang menghargai kasih sayang begitu juga Zahiril yang belajar hal-hal penting tentang kehidupan, reda, dan tenang daripada watak Falah.

Bagi mereka, Andai Tiada Dia lebih banyak mencabar emosi dan rohani seiring dengan perkembangan watak masing-masing.

"Cabaran saya adalah untuk memainkan watak yang bukan diri saya, awal drama ini banyak babak yang saya harus jadi kurang ajar, pemarkah. Jadi saya sendiri pernah rasa bahawa watak ini sangat keterlaluan," kata Hisham.

Bagi Mimi Lana pula; "Saya rasa watak Intan ni sangat toksik, jadi ada masa membuatkan saya tertanya-tanya adakah apa yang saya buat ini betul kerana itu bukan diri saya."

Mengulas lanjut tentang kepuasan berlakon Andai Tiada Dia, jelas Ummi dia masih rasakan Suri individu yang ada logika.

"Saya puas, sebab saya sangat suka graf karakter Suri dan rasa watak ini sangat logik untuk saya.

Hisyam dan Zahiril pula merasakan naskhah hebat yang menggandingkan ramai pelakon berbakat besar ini bakal mencorak fenomena baharu.

"Saya sangat-sangat puas, sebab saya dapat bekerjasama dengan Ummi dalam drama ini," kata Hisyam.

Andai Tiada Dia mengisahkan Suri (Ummi Nazeera) dan Haikal (Hisyam Hamid), pasangan yang sudah 7 tahun berkahwin namun masih belum dikurniakan zuriat. Keinginan Suri untuk melakukan IVF tidak diendahkan oleh Haikal, yang sudah selesai hidup tanpa anak.

Kematian Hisyam, adik Haikal, membawa perubahan apabila Suri mengambil bayi adik iparnya yang berusia 4 bulan sebagai anak angkat. Namun, keadaan menjadi tegang apabila Intan (Mimi Lana), adik Suri, mula menjalinkan hubungan sulit dengan Haikal.

Drama ini dibintangi oleh Hisyam Hamid, Ummi Nazeera, Mimi Lana, dan Zahiril Adzim, bersiaran setiap Isnin hingga Khamis, jam 10 malam di Astro Ria (saluran 104).





Peluang Datang Bergolek, Mimi Lana Pass Baton 'Intan' Untuk

Alicia Amin

Pelakon Alicia Amin terkejut apabila ditawarkan menerajui watak Intan dalam drama rantaian hebat Andai Tiada Dia yang sebelum ini dijayakan oleh Mimi Lana.

Kata Alicia, dia menyahut cabaran itu selepas Mimi memberikan keyakinan kepadanya.

"Bila saya dapat tawaran ini saya terus hubungi Mimi Lana.

"Saya tanya dia bolehkah saya buat? Sebab saya dah tengok beberapa episod, watak ini sangat gila sebab saya dengan pelat-pelat saya. Tapi dia yakinkan saya yang saya boleh lakukan," katanya kepada Gempak.

Pada masa sama, Alicia merasakan bahawa ia satu peluang yang sangat berbaloi untuk memainkan watak Intan meskipun dia sudah menerima kecaman daripada peminat.

"Dalam dua tiga hari ini memang sangat stress sebab ramai sangat marah dengan watak Intan, orang marah saya. namun tak mengapa kerana saya rasa ia sangat berbaloi," ujarnya.

Kemunculan Alicia menggantikan Mimi Lana diterima baik oleh pencinta naskhah ini. Drama Andai Tiada Dia bakal melabuhkan tirai tidak lama lagi.

Drama yang menampilkan barisan pelakon terkenal seperti Hisyam Hamid, Ummi Nazeera, Mimi Lana dan juga Zahiril Adzim itu bersiaran setiap Isnin hingga Khamis, jam 10 malam di Astro Ria (saluran 104). - ASYRAF ROSLAN

Hutang Cecah RM1 Juta & Kediaman Diserbu, Che Ta Santai Jalani Hidup



Meski laporan kediaman diserbu dan memiliki hutang mencecah jutaan ringgit menjadi bualan sehingga Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki mengingatkan hutang wajib dibayar atau pelaku akan dipersoalkan atas tindakan dan kesalahannya di akhirat kelak, Che Ta tidak memberi sebarang respons.

Dan sehingga artikel ini ditulis, pemilik nama sebenar Rozita Abu Bakar, 51, belum memberi kenyataan rasmi berhubung insiden kediamannya diserbu atau memberi penjelasan tentang pinjaman hampir RM1 juta yang dibuat kepada MARA.

Pelakon yang terkenal dengan bulu mata lentik dan sentiasa berpenampilan mewah itu sebaliknya dilihat santai berkongsi aktiviti memasak selain sempat menyambut ulang tahun perkahwinan ke-11 bersama Zain.

Bagaimanapun pengurusnya, Afeeq Abd Wahab berjanji akan memberi kenyataan rasmi dalam tempoh terdekat.

Semoga sahaja pemberitaan yang barangkali bersimpang siur termasuk banyak andaian yang boleh jatuh menjadi fitnah dapat diselesaikan malah diperjelas oleh Che Ta. Dan dia membayar hutang seperti yang didakwa. - MALIAH SURIP

Minggu ini nama pelakon jelita Rozita Che Wan atau dikenali sebagai Che Ta menjadi hangat selepas kediamannya diserbu pihak Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Serbuan dikhabarkan dilakukan oleh pihak Mara setelah pelakon tersebut tidak membayar hutang pinjaman dari agensi itu berjumlah hampir RM1 juta.

Bintang Kiah Pekasam itu didakwa gagal melunaskan pinjaman yang telah dibuat pada tahun 2017.

amun Che Ta dan suami, Zain Saidin tidak berada di rumah yang terletak di Kota Damansara selain ibunya dilihat berdepan dengan para pegawai yang hadir.

NDiketahui juga daripada laporan media, hanya kurang RM100,000 barangan di kediaman Che Ta berjaya disita.



FFM33: Imaginur Dinobat Filem Terbaik, Bolot 7 Trofi



Filem cinta yang menerapkan elemen fiksyen sains, Imaginur dinobat sebagai Filem Terbaik pada Festival Filem Malaysia Ke-33 (FFM 33). Kemenangan itu sekali gus melayakkan produksi filem terbabit, Lumatic Films Sdn Bhd menerima Dana Kandungan Kreatif bernilai RM500,000 beserta trofi.

Selain pengiktirafan tertinggi terbabit, karya arahan Nik Amir Mustapha itu turut mencipta kegemilangan dengan membawa pulang enam lagi anugerah lain. Bintang utamanya, Beto Kusyairy, diumumkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik, manakala Nik Amir sendiri berjaya menjulang trofi Pengarah Terbaik.

Filem itu juga memenangi kategori Lagu Tema Terbaik, Penataan Seni Terbaik, Penyunting Terbaik dan Cerita Asal Terbaik.

Bertemakan EMAS - Evolusi Sinema Malaysia, FFM 33 menerima 104 penyertaan dengan 95 pencalonan layak bertanding. Ini merangkumi 64 filem cereka, 20 filem pendek dan 11 filem dokumentari.

PEMENANG FFM 33

Filem Terbaik: Imaginur (Lumatic Films Sdn Bhd)

Pengarah Terbaik: Nik Amir Mustapha (Imaginur)

Pelakon Lelaki Terbaik: Beto Kusyairy (Imaginur)

Pelakon Wanita Terbaik: Susan Lankester (Rain Town)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik: Jack Tan (Abang Adik)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik: Elizabeth Tan (Sheriff: Narko Integriti)

Pengarah Harapan: Jin Ong (Abang Adik)

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik: Qisya Hairulzain (Magik)

Pelakon Wanita Harapan: Trisha Ooi (Janna Endoro)

Pelakon Lelaki Harapan: Aniq Durar (Pagari Bulan)

Lakon Layar Terbaik: Jin Ong (Abang Adik)

Sinematografi Terbaik: Rahimi Maidin (Sheriff: Narko Integriti)

Cerita Asal Terbaik: Redza Minhat & Nik Amir Mustapha (Imaginur)

Kostum & Busana Terbaik: Elaine Ng (Abang Adik)

Tatarias & Solekan Terbaik: Ng Keok Cheng, Yap Pui Yin & Kua Goh Yoke Eng (Abang Adik)

Penataan Bunyi Terbaik: Nizam Razak (Mechamoto Movie)

Penataan Seni Terbaik: Rabbani Sujak (Imaginur)

Kesan Khas Visual Terbaik: Viper Studios Sdn Bhd (Sheriff: Narko Integriti)

Penyunting Terbaik: Johan Arif Mazlan (Imaginur)

Skor Muzik Asal Terbaik: Jacky Yow (Malbatt: Misi Bakara)

Poster Terbaik: Layar Pictures Sdn Bhd (Walid)

Lagu Tema Terbaik: Hasrat - Amir Jahari (Imaginur)

Dokumentari Terbaik: Pekik (Stereo Pixels Sdn Bhd)

Filem Pendek Terbaik: The Missing Trophy (Wayang Works Sdn Bhd)

Anugerah Khas Juri 1: Naam Katra Isai

Anugerah Khas Juri 2: Duan Nago Bogho

Filem Box Office: Sheriff: Narko Integriti

Anugerah Khas Sepanjang Zaman: A Galak

Anugerah Khas Karyawan: Indera Che Muda



Pengarah: Rudy Soedjarwo

Pelakon: Christine Hakim, Adinia Wirasti, Fedi Nuril, Amanda Manopo, Yasmin Napper, Baim Wong

Genre: Drama, Kekeluargaan

Mengisahkan Rahmi, seorang ibu tunggal yang membesarkan empat anaknya dengan penuh pengorbanan selepas kehilangan suaminya. Walaupun banyak berkorban demi kebahagiaan anak-anak, Rahmi merasa kasih sayang mereka tidak dihargai apabila anak-anaknya semakin sibuk dengan urusan mereka sendiri. Meskipun sering dilupakan, Rahmi tetap mencintai mereka sepenuh hati.



Pengarah: Kenji Kamiyama

Pelakon: Brian Cox, Gaia Wise, Miranda Otto, Luca Pasqualino, Lorraine Ashbourne

Genre: Aksi, Pengembaraan, Animasi, Fantasi, Epik

Berlatar 183 tahun sebelum peristiwa The Lord of the Rings, filem ini mengisahkan Raja Helm Hammerhand, pemimpin legenda Rohan. Cerita bermula ketika Rohan menghadapi ancaman dari pasukan Dunlending yang dipimpin oleh Wulf, seorang penguasa licik yang melancarkan serangan mendadak ke kerajaan Rohan akibat dendamnya.



Pengarah: Girry Pratama

Pelakon: Dennis Adhiswara, Justin Adiwinata, Meisita Lomania

Genre: Seram

Mengisahkan lima sahabat yang berusaha melupakan masa lalu dan memulakan hidup di sebuah desa terpencil di Banyuwangi. Namun, harapan mereka hancur setelah tanpa sengaja membangkitkan kekuatan mistik yang terkait dengan legenda Calon Arang. Rama dan Maya, dua beradik yang ingin menghidupkan kembali projek resort keluarga mereka kembali ke desa tersebut bersama teman-teman mereka. Namun, mereka tidak sedar bahawa desa itu menyimpan warisan mengerikan. Maya dirasuk oleh roh Calon Arang dan mereka berusaha menyelamatkannya.

Tun Laila, Fikri Zamri, Anna Jobling Ungguli Carta Semasa Top 20 GMWA!

Pempengaruh yang kerap berkongsi hal dan isu berkaitan undang-undang, Tun Laila menaiki carta pertama menerusi kategori Digital Creator Motivation & Education Tergempak, dalam senarai Top 20 Gempak Most Wanted (GMW) Awards 2024.

Manakala, Fikri Zamri dan Anna Jobling masing-masing mengungguli kategori Digital Creator Lifestyle Tergempak dan Selebriti Tergempak.

Kategori Digital Creator Entertainment Tergempak pula didominasi oleh Ryan Bakery dan lagu Diam - Hael Husaini pula menduduki carta teratas Video Muzik Tergempak.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Top 20 GMW Awards 2024 untuk melayakkan calon kesayangan anda ke pusingan Top 5 GMW Awards 2024 yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Undi di www.gempakmostwanted.com.my.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta terkini Top 20 GMW Awards 2024.

Digital Creator Motivation & Education Tergempak

1. Tun Laila
2. Zack Kirana
3. Muhammad Noor
4. Fathi Hussein
5. Financial Faiz

Digital Creator Lifestyle Tergempak


1. Fikri Zamri
2. Bukan Phogotraper
3. Sharul Aimy
4. Muqmin
5. Khairul TBH

Selebriti Tergempak


1. Anna Jobling
2. Fattah Amin
3. Meerqeen
4. Erysha Emyra
5. Syafiq Kyle

Digital Creator Entertainment Tergempak

1. Ryan Bakery
2. Wan Chai
3. Yeeettt
4. Kasih Iris Leona
5. Farihin Arnia



Astro Lancar Pakej Hiburan Fleksibel Dengan Astro One



Astro telah memperkenalkan Astro One, satu rangkaian tiga pakej hiburan fleksibel yang direka untuk memenuhi keperluan isi rumah di Malaysia.

Dengan harga bermula RM49.99, pakej ini termasuk Entertainment Pack, Sports Pack, dan Epic Pack, yang menawarkan pilihan hiburan yang mudah, fleksibel, dan mampu milik.

Astro One menggabungkan saluran TV terbaik, aplikasi penstriman popular, dan pilihan jalur lebar fleksibel untuk memberikan pengalaman hiburan yang lebih baik bagi keluarga Malaysia.

Setiap pakej menawarkan kandungan yang pelbagai, seperti hiburan tempatan, sukan langsung, filem, dan rancangan dari platform penstriman seperti Netflix, Disney+ Hotstar, dan banyak lagi.

Pakej-pakej ini juga dapat disesuaikan dengan pilihan tambahan untuk memenuhi minat dan keperluan setiap ahli keluarga, dengan kemudahan untuk mengubah langganan melalui aplikasi My Astro.

Selain itu, Astro One juga menyediakan akses kepada kandungan dalam pelbagai bahasa dan genre, memastikan semua ahli keluarga dapat menikmati hiburan mengikut pilihan mereka.



Astro's Big Thank You: Hadiah Istimewa untuk Pelanggan

Astro melancarkan kempen "Astro's Big Thank You" sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan, menawarkan pelbagai hadiah menarik termasuk hingga 17 saluran tambahan, percuma naik taraf ke Ultra dan Ulti Box, serta penebusan filem Astro First secara percuma.

Pelanggan dapat menikmati semua ini tanpa sebarang kos tambahan, dan boleh memeriksa kelayakan mereka melalui aplikasi My Astro.

Kempen ini turut menyertakan saluran "Home of Kids" (Saluran 100) dari 1 hingga 31 Disember 2024, menyediakan kandungan

menarik untuk kanak-kanak. Ini selari dengan acara Home of Kids yang berlangsung di IOI Convention Centre, Putrajaya.

Selain itu, Astro menawarkan tawaran khas seperti JUALAN JIMAT BESAR dengan harga serendah RM41.99/sebulan dan pemasangan percuma, serta penawaran Astro Fibre 500Mbps dengan Pek Primary pada harga RM149.99/bulan.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh mengakses aplikasi My Astro atau melayari laman web Astro.

CNBLUE Voyage Into X Hangatkan Genting Highlands!

Konsert jelajah Voyage Into X oleh CNBLUE di Arena of Stars, Genting Highlands baru-baru ini menjadi penutup yang penuh makna bagi peminat mereka, Boice.

Persembahan selama tiga jam ini memukau lebih 25 lagu termasuk lagu popular seperti In My Head, Where Are You, dan I'm Sorry.

Sesekali mereka menyapa peminat di Malaysia dengan perkataan seperti 'mantap' dan 'saya sayang korang' hingga bergema jeritan ramai.

Konsert ini juga meraikan pelancaran mini album terbaru kumpulan tersebut yang berjudul X.

Sebagai penutup CNBLUE mempersembahkan dua lagu encore, Young Forever dan You're So Fine, sambil berterima kasih kepada peminat yang hadir.

18 Tahun Menanti, For Revenge Puas Berkonsert Di Kuala Lumpur

Konsert for Revenge "Perayaan Patah Hati" Babak 1. Kuala Lumpur menyaksikan kumpulan dari Indonesia itu tampil beraksi dengan mempersembahkan 10 buah lagu popular mereka.

Antaranya Penyangkalan, Sadrah, Serana dan banyak lagi, khusus buat peminat di Malaysia.

"Kami juga tidak menyangka bahawa selepas 18 tahun kami berada di dalam industri muzik Indonesia, akhirnya pada tahun 2024 kami berjaya memasuki dunia industri muzik Malaysia dan kami agak terkejut dengan pencapaian ini," kata kumpulan itu.

Selain For Revenge, kumpulan Insomniacks turut memeriahkan acara dengan persembahan pembukaan yang mantap menerusi lagu-lagu seperti Igauan, Malam, Reminisensi dan Pulang.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Risiko Kewangan Anak Muda Disebabkan FOMO dan YOLO

Pendidik Kewangan, Faiz Azmi atau lebih dikenali sebagai Financial Faiz menyatakan ada sesetengah anak muda pada masa kini sukar untuk kekal menyimpan wang kerana mempunyai rasa Fear Of Missing Out (FOMO) dan You Only Lived Once (YOLO).

"Kedua-dua rasa ini seperti adik beradik namun berbeza. Ada sesetengah mereka takut untuk ketinggalan sesuatu perkara contohnya artis Korea buat konsert terakhir sebelum bubar jadi mereka sebagai peminat rasa mereka perlu pergi sana untuk menyaksikan konsert tersebut jadi mereka gunakan tabungan yang sedia ada.

"Bagi konsep yolo pula, anak muda pada masa kini merasakan bahawa sekali seumur hidup mereka harus pergi ke destinasi yang mereka inginkan atau beli kereta mewah sebelum berkahwin.

"Mereka tidak memikirkan peringkat kehidupan mereka. Namun sedar tak sedar mereka sudah membuat hutang dengan kehidupan mereka pada masa akan datang," katanya.

Pada masa sama, Faiz juga berkongsi kebanyakan penduduk Malaysia yang berusia 25-35 tahun paling banyak bankrap pada usia yang muda.

Menurut Faiz, hal ini terjadi kerana mereka telah melakukan hutang-piutang pada usia yang muda bagi memenuhi kehendak mereka sehingga mereka gagal membayar kembali.


"Sebab itulah ramai orang bankrap pada usia 25-35 tahun, dan jika kita tanya kembali bagaimana ia terjadi mereka akan jawab ia berlaku semasa mereka muda.

"Mereka telah melakukan pinjaman-pinjaman yang mereka tidak patut ambil dan bila mereka meningkat usia komitmen sudah bertambah jadi bila mereka tidak boleh bayar mereka bankrap pada usia yang muda," kata Faiz.




Kelantan Heroes Provide Free Gadget Cleaning For Flood Victims

Two friends in Kelantan, Khadijah Mod Suhaimi and Siti Ismatu Saadiah Rusly, received praise after a viral TikTok video where they offered free cleaning services for flood victims' electronic devices. Their initiative helps those affected by floods, especially in Tumpat, Pasir Puteh, and Pasir Mas, to repair submerged gadgets through chemical cleaning. Despite usually charging RM150-300 for such services, they are offering this aid for free, easing the burden on victims. The TikTok video has gained significant attention, with positive responses from users praising their generosity.



Affordable RM5 Noodles & Rice From A First-Floor Window

A viral food business in Malaysia, called "Abang Tingkap," sells fried rice and noodles for RM5 from a first-floor window. The food is delivered through a basket lowered to customers below. Despite the limited menu, the affordable meals have garnered significant attention. The owner, who started the business after an injury left him unable to work, uses this initiative to support himself. Many have praised the affordable and generous portions, with hopes for his recovery and success.



Woman Lifts Myvi Car, Stuns Malaysians

A woman has amazed Malaysians by deadlifting a yellow Myvi car during the "Malaysia's Strongest Man and Woman Challenge" in Malacca on November 30th. The impressive display of strength went viral, with nearly 900k views on TikTok. Netizens were in awe of her core strength, praising her proper lifting technique. It was noted that her father, a coach, had trained her for this feat, highlighting her professionalism. The video has earned her widespread admiration online. Read full article in www.rojakdaily.com